

28 MAY 1998

Mahathir-Kapitalis

MAHATHIR INGATKAN BELIA ASIA TENTANG FAHAMAN KAPITALIS

KUALA LUMPUR, 28 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi peringatan kepada belia Asia tentang fahaman kapitalis mutlak yang kini mula muncul sebagai ideologi baru yang kuat sehinggakan ia boleh menggulingkan kerajaan dan mencetuskan bencana ekonomi.

Perdana Menteri berkata fahaman kapitalis mutlak, yang kini dinamakan semula sebagai kuasa pasaran, telah mendorong pemerintah melepaskan peranan masing-masing untuk dimainkan oleh mereka yang menguasai modal.

"Mulai sekarang, orang yang menguasai wang, akan memerintah dunia dengan hanya satu tujuan -- untuk mencari wang. Jika perlu menggulingkan kerajaan untuk berbuat demikian, maka kerajaan akan digulingkan," kata beliau dalam ucapannya pada persidangan Projek Harvard bagi Asia dan Hubungan Antarabangsa, 1998 di sini hari ini. Ucapan beliau telah disampaikan oleh Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak.

Dr Mahathir menyebut sebagai contoh bagaimana kejatuhan nilai matawang dan pasaran saham telah memberikan alat baru yang berkesan kepada kapitalis baru ini untuk mencetuskan kebimbangan.

"Dengan demikian, apabila nilai matawang sesebuah negara itu jatuh, kemiskinan boleh segera wujud," katanya.

Dalam keadaan yang lemah, katanya, sesebuah negara tidak berupaya melawan kuasa pasaran kerana dengan berbuat demikian ia akan kehilangan keyakinan dan mengundang serangan lagi.

Beliau menyifatkan negara yang terpaksa menaikkan kadar faedah bagi mengekalkan keyakinan pelabur dan menurunkannya untuk menjana kegiatan perniagaan sebagai terperangkap dalam keadaan "ditelan mati emak, diluah mati bapa."

Kata Dr Mahathir menaikkan cukai, mengekalkan kekurangan mudahtunai, mengurangkan kredit dan menghapuskan subsidi akan menyebabkan syarikat jatuh muflis, mengakibatkan pengangguran dan mencetuskan rusuhan serta ketidakstabilan politik.

"Akhirnya negara itu akan muflis dan warga asing akan membeli kesemua syarikat yang baik pada harga yang murah," tegasnya.

Sebaliknya, jika negara itu menentang kuasa pasaran dan cuba mengekalkan kadar faedah pada tahap rendah, meminjam wang untuk menampung sistem serta menyelamatkan perniagaan yang dibebani masalah, satu serangan baru akan dibuat oleh kuasa pasaran yang menyebabkan negara berkenaan mengalami kejatuhan nilai matawang selanjutnya, kerugian modal yang lebih banyak, keadaan bank-bank jatuh muflis, kekurangan pendapatan kerajaan dan bencana ekonomi. -- BERNAMA

MR KY MA